



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SABAH**
Aras Bawah, 6 & 7, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat-Likas
Beg Berkunci 2053
88594 KOTA KINABALU
SABAH

Tel: 088-324800
Faks: 088-210828
Laman Web: <http://portalpp.anm.gov.my/kotakinabalu>

Ruj Kami : ANM(A)SBH.68 JLD 8(31)
Tarikh : 15 Mei 2023

SURAT PERINGATAN

Seperti di Lampiran

Tuan/Puan,

KEGAGALAN MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT/DANA BAGI BULAN APRIL 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak tuan/puan belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot/Dana bagi bulan April 2023 kepada pihak kami sepertimana yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 yang berkuatkuasa pada 24 Oktober 2018.
3. Sehubungan dengan itu, mohon tindakan daripada pihak tuan untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot/Dana kepada Unit Akaun dengan kadar segera.
4. Adalah diharapkan agar pihak tuan sentiasa memastikan Sijil Pengesahan Baki Vot/Dana dikemukakan kepada pihak kami dalam tempoh **14 haribulan bulan berikutnya** mengikut ketetapan seperti di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 dan memastikan perkara ini tidak berulang.
5. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

NORHAYATI BINTI MOHD TAHA C.A.(M), ACMA, CGMA, CPSA
Penolong Pengarah Kanan WA44
b.p. Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sabah